

26 MAR 2000

DR MAHATHIR SAMPAIKAN HADIAH PADA PEMENANG REGATTA PUTRAJAYA

PUTRAJAYA, 26 Mac (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menyampaikan hadiah kepada pemenang pertandingan kanu polo air Regatta Putrajaya 2000.

Beliau menyampaikan hadiah berupa wang tunai RM2,000 dan plak kepada pemenang pertama iaitu Perlis, RM1,500 kepada pemenang kedua Johor manakala pemenang ketiga Pulau Pinang menerima RM1,000.

Regatta Putrajaya 2000 diadakan di Pangkalan Polis Marin, Tasik Putrajaya di sini.

Turut hadir ialah Menteri Belia dan Sukan Datuk Hishammuddin Tun Hussein, Pengerusi Petronas Tan Sri Azizan Zainul Abidin dan Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Halim Ali.

Hishammuddin, yang ditemui pemberita selepas majlis itu, berkata kerajaan akan berusaha untuk memajukan sukan air seumpama itu di kalangan rakyat tempatan sehingga mereka dapat bersaing di peringkat antarabangsa.

-- BERNAMA

MHI AKD